

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN : Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan tentang jumlah pasar tani yang dikendalikan oleh FAMA. Apakah pasar tani berkenaan telah berjaya meningkatkan pendapatan pesertanya. Apakah pasar tani merupakan saluran pemasaran hasil-hasil pertanian terbaik Kementerian untuk mengurangkan kebergantungan peladang, penternak dan nelayan kepada orang tengah. Jika ya, berapa peratus daripada bilangan peserta pasar tani yang telah bebas daripada ikatan orang tengah sejak 2010-2014.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pasar Tani merupakan salah satu saluran pemasaran terbaik dalam usaha mengurangkan kebergantungan petani kepada orang tengah. Ini adalah selaras dengan tujuan pewujudan Pasar Tani itu sendiri iaitu pengeluar hasil pertanian menjual terus kepada pengguna.

Sehingga Januari 2015, sebanyak 580 Pasar Tani telah beroperasi di seluruh negara. Berdasarkan kajian penilaian outcome yang telah dilaksanakan pada tahun 2011, jumlah peningkatan pendapatan peserta Pasar Tani telah meningkat mengikut komoditi, contohnya purata pendapatan usahawan yang berniaga sayur sebelum menyertai Pasar Tani adalah RM1,014 telah meningkat kepada RM2,490 sebulan selepas menyertai Pasar Tani. Peratus peningkatan adalah sebanyak 145%.

Berdasarkan kajian tersebut juga, 61% daripada bekalan sayur diperolehi daripada bekalan sendiri dan pengeluar hasil pertanian, manakala 39% lagi diperolehi dari lain-lain sumber.

Di bawah Program Ladang Kontrak, FAMA dapat mengurangkan lapisan (tier) pasaran dengan tidak melalui rangkaian pemasaran yang lebih panjang, di mana pengeluar buah-buahan dan sayur-sayuran dan menjual terus kepada pengguna di Pasar Tani pada harga yang munasabah dan yang berpatutan. Melalui kaedah ini juga, petani akan mendapat pulangan sebanyak 60% dan pengguna mendapat pengurangan harga sebanyak 5%-20%. Kuantiti pengeluaran ladang kontrak sehingga kini berjumlah 38,709 MT dengan nilai Nilai Jualan RM77.42Juta.

Bagi mengukuhkan lagi peranan Pasar Tani sebagai ruang pemasaran kepada petani, penternak dan nelayan yang berkesan, ketetapan supaya semua perbekalan di Pasar Tani diperolehi daripada pengeluar hasil pertanian akan dikuatkuasakan mulai Jun 2015.

Kementerian menerusi FAMA bercadang untuk menjalankan Kajian Impak Pasar Tani khususnya dari segi perbekalan, peningkatan jualan dan pendapatan para peniaga pasar tani.